

MODAL SOSIAL ORGANISASI DAN PERKONGSIAN AMALAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU DI SEKOLAH

Adz Jamros binti Jamali
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
adzjamros@iab.edu.my

Fauziah binti Md Jaafar, PhD
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
mjfauziah@uum.edu.my

ABSTRAK

Modal sosial organisasi merupakan faktor yang menjadi asas persediaan kepada keterbukaan dalam membangunkan sikap kolaboratif guru berkongsi amalan pengajaran di bilik darjah. Kajian lalu membuktikan bahawa perkongsian amalan pengajaran guru merupakan amalan yang paling rendah tahap pelaksanaannya di Malaysia. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk meninjau tahap modal sosial organisasi dan tahap perkongsian amalan pengajaran guru serta hubungan modal sosial organisasi terhadap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah rendah negeri Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tinjauan yang melibatkan 476 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah persampelan berkelompok pelbagai tahap berstrata. Sementara itu, instrumen kajian diadaptasi daripada soal selidik modal sosial organisasi dan soal selidik penanda aras amalan komuniti pembelajaran profesional. Analisis data kajian ini melibatkan statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS Versi 23. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap modal sosial dan perkongsian amalan pengajaran dalam kalangan guru sekolah rendah negeri Kedah berada pada tahap yang sederhana tinggi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa hubungan antara modal sosial dan perkongsian amalan pengajaran guru adalah signifikan, positif dan kukuh. Modal sosial struktur merupakan faktor yang paling rendah tahap hubungannya dengan perkongsian amalan pengajaran guru. Ini menunjukkan interaksi sosial dan penglibatan antara warga sekolah mempunyai hubungan yang sederhana terhadap perkongsian amalan pengajaran guru. Kajian ini mencadangkan setiap sekolah yang akan membudayakan perkongsian amalan pengajaran guru yang bermakna perlu membangunkan modal sosial daripada aspek kepercayaan, identifikasi, timbal balas, reputasi, altruisme, kuantiti dan kualiti bahasa yang sepunya dalam kalangan guru sebagai persediaan awal.

Kata Kunci: Modal Sosial Organisasi, Perkongsian Amalan Pengajaran Guru, Komuniti Pembelajaran Profesional, Amalan Kolaboratif Guru

PENGENALAN

Perubahan yang berlaku di Malaysia akhir-akhir ini lebih berfokus kepada peningkatan kualiti sistem pendidikan Malaysia yang bertaraf dunia. Laporan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan bahawa enrolmen guru Malaysia berjumlah 421,828 orang berbanding 5,074,612 orang murid yang membawa nisbah 12 murid kepada seorang guru (12:1). Nisbah

ini kurang daripada 16:1 nisbah purata OECD, 16:1 nisbah di Singapura dan 20:1 di Korea Selatan (PPPM 2013-2025). Namun begitu kedudukan Malaysia dalam Trends in International Mathematics and Science Study (TIMMS) dan Programme for International Student Assessment (PISA) terkebelakang daripada kedudukan Korea Selatan dan Singapura yang sentiasa berada di tangga 10 teratas berbanding Malaysia yang berada di tangga 50 ke bawah sejak 2008 (OECD, 2016). Ini membuktikan bahawa keupayaan guru-guru masih boleh ditambahbaik dalam menyediakan murid-murid yang berkemahiran berfikir aras tinggi. Oleh itu, guru-guru perlu diberi peluang dan ruang dalam meningkatkan kompetensi pedagogi di samping meningkatkan efikasi sendiri mereka dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan melalui amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (Stegall, 2011).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merancang proses transformasi pembangunan profesional berterusan (PPB) dalam kalangan guru melalui tiga gelombang iaitu Gelombang 1 yang berlangsung dari 2013 hingga 2015 yang memberi penekanan terhadap peningkatan standard dan sistem sokongan. Gelombang 2 pula bermula dari tahun 2016 hingga 2020 yang menumpu kepada pengukuhan kemajuan dan laluan kerjaya guru. Seterusnya Gelombang 3 yang dirancang untuk tahun 2021 hingga 2025 yang berfokuskan pewujudan budaya kecemerlangan profesionalisme berasaskan rakan sekerja. Usaha ini bertujuan untuk memastikan guru kekal relevan dan efektif dalam arus pendidikan negara masa kini. Oleh itu, semua program pembangunan pendidikan yang telah dirancang, perlu dilaksanakan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 sebagai satu anjakan paradigma bagi sistem pendidikan Malaysia. Program-program PPG dilaksana bukan hanya di peringkat sekolah malah perlu dijalankan di setiap peringkat pendidikan sama ada di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pembentukan budaya ilmu ini akan memacu sekolah sebagai sebuah organisasi pembelajaran bagi membentuk sebuah komuniti pembelajaran profesional (KPP) yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warganya. Justeru dalam Gelombang 3 pelaksanaan PPPM 2013-2025, KPM berhasrat mewujudkan budaya teladan rakan setugas untuk kecemerlangan profesionalisme melalui aktiviti guru membimbing satu sama lain, saling memberi inspirasi, memastikan rakan sejawat mengamalkan nilai kebertanggungjawaban, dan berkongsi amalan terbaik untuk memenuhi standard profesional. Hal ini selari dengan ciri-ciri sekolah dalam transformasinya sebagai sebuah KPP.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai kajian tentang Pembangunan Profesional Guru (PPG) telah dilaksanakan sebagai satu usaha mencemerlangkan organisasi. PPG yang berkesan merangkumi proses pembelajaran berterusan yang melibatkan semua warga organisasi sebagai pelajar termasuk guru dan pentadbir. Usaha-usaha PPG yang berkesan tidak boleh bersifat generik tetapi haruslah bercirikan "subject-specific" dan "teacher-specific" (Amin Senin, 2008). Justeru itu, amalan komuniti pembelajaran profesional (KPP) menjadi alat yang paling sesuai untuk dilaksanakan sebagai aktiviti PPG yang berkesan. Hal ini kerana ciri-cirinya yang menepati prinsip aktiviti berfokus yang jelas tentang pembelajaran; memfokuskan perubahan individu dan perubahan organisasi; memulakan

perubahan secara kecil-kecilan tetapi dipandu oleh wawasan besar; dan menyediakan pembangunan profesional yang berterusan tetapi mempunyai prosedur yang jelas (Guskey, 1997). Hal ini disokong oleh kajian Yang, Huang, dan Hsu, (2014) yang mendapati bahawa interaksi, perkongsian perbincangan dan refleksi merupakan faktor utama dalam memastikan keberkesanan aktiviti PPG. Guru-guru yang diberi peluang dalam merancang aktiviti pembangunan profesional mereka seperti yang digariskan dalam amalan KPP, telah melahirkan keazaman guru-guru terhadap pengajaran mereka seterusnya meningkatkan kualiti pembelajaran murid (Muhammad Djajadi, Bambang, & Nora, 2012). KPP telah mengalih paradigma pembelajaran guru secara individu kepada pembelajaran kolaboratif. Pelaksanaan model pembelajaran profesional yang selari dengan keperluan guru akan mengekalkan keterujaan guru untuk terus belajar dan mengubah amalannya. Kombinasi pelbagai model pembelajaran profesional mendatangkan impak berkualiti sama ada secara individu mahupun berkumpulan (Mahaliza, Norlia, Masri, & Jamal, 2015).

Dapatan kajian lalu menunjukkan bahawa amalan KPP di sekolah berada pada tahap tinggi (Olivier dan Huffman, 2016; Lee & Kim, 2016; Chen, Lee, Lin & Zhang, 2016; Sun-Keung Pang, Wang & Lai-Mei Leung, 2016; Zuraidah, Zulkifli, Nik Mustafa & M. Ismath, 2017; Zuraidah, A., Zulkifli, A. M., Nik Mustafa, M. A., & Mohammad Ismath, R., 2016; Zuraidah & Muhammad Faizal, 2014; Rahimah, Muhammad Faizal & Zuraidah, 2012). Namun begitu, apabila diamati tentang lima dimensi dalam amalan KPP, jelas menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam dimensi tertentu. Di Malaysia, dimensi perkongsian amalan peribadi merupakan dimensi yang paling kurang diamalkan (Zuraidah, Zulkifli, Nik Mustafa & M. Ismath, 2017; Zuraidah & Muhammad Faizal, 2014; Rahimah, Muhammad Faizal & Zuraidah, 2012) dan paling jarang dilaksanakan (Keong, Muhammad Faizal & Zuraidah, 2017). Dapatan ini berbeza daripada amalan KPP di Korea Selatan yang merupakan negara yang berada pada tangga 10 teratas dalam pentaksiran TIMMS dan PISA (OECD, 2016). Di Korea Selatan, dimensi perkongsian amalan peribadi merupakan dimensi yang paling mantap pelaksanaannya berbanding Amerika Syarikat, Hong Kong dan Taiwan yang juga merupakan negara dalam kedudukan 10 teratas peringkat antarabangsa (Lee & Kim, 2016). Justeru, Malaysia perlu meneroka faktor-faktor yang boleh memacu perkongsian amalan peribadi bagi mencapai hasrat KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan Malaysia dalam pentaksiran antarabangsa (KPM, 2013).

Sehubungan dengan itu, kerangka kajian ini dibentuk berasaskan model modal sosial yang dibangunkan oleh Chang dan Chuang (2011). Chang dan Chuang juga pada asasnya mengadaptasi Teori Modal Sosial yang dibawa oleh Bourdieu (1986) dan Putnam (1993). Teori Modal Sosial merupakan teori yang menegaskan sosialisasi yang merangkumi kepentingan interaksi, hubungan dan kesefahaman dalam kalangan warga organisasi berasaskan nilai sepunya bagi mencapai hala tuju dan objektif yang dikongsi bersama (Nahapiet dan Ghoshal 1998; Putnam 1993). Sehubungan itu, modal sosial dalam kajian ini didefinisikan sebagai interaksi, perhubungan dan kesefahaman sesama warga organisasi berdasarkan nilai sepunya yang memacu peningkatan kualiti kerja sepasukan dalam kalangan warga organisasi untuk mencapai hala tuju yang serupa.

Modal sosial dalam kajian ini berasaskan kajian Hazleton dan Kennan (2000) yang mengkategorikan modal sosial kepada tiga dimensi, iaitu dimensi modal struktur, modal hubungan, dan modal kognitif.

PENYATAAN MASALAH

Perkongsian amalan peribadi merupakan proses perkongsian pengetahuan dan pengalaman pengajaran peribadi guru sesama rakan sejawat. Keberkesanan amalan tersebut akan berlaku apabila wujudnya hubungan yang akrab dalam kalangan warga organisasi yang menekankan aspek kepercayaan, keterbukaan, komunikasi, kolaboratif, dan kesedaran yang berlaku secara berterusan melalui amalan kepimpinan yang menyokong (Mohd Zabri, Y., Rosmah, M.I., & Nor Liza, A., 2015). Faktor komunikasi yang lemah dan negatif dalam kalangan warga organisasi juga telah melambatkan proses perkongsian berlaku secara berterusan (Li, L., Hallinger, P., Kennedy, K. J., & Walker, A., 2016) malah wujud jurang komunikasi antara guru lama dan guru baharu (Zuraidah et al., 2017). Oleh sebab itu, kualiti aktiviti pembelajaran kolaboratif guru terhalang kerana guru berasa tidak selesa diselia, dinilai dan dikritik oleh rakan sejawat (Li et al., 2016). Perasaan tidak selesa mengatasi perasaan ingin belajar dan kurangnya keterbukaan untuk berkongsi. Keengganan guru untuk mendedahkan kelemahan mereka mengurangkan fokus perbincangan (Muhammad Faizal & Crow, 2017). Senario ini berlaku kerana guru tidak bersedia mendedahkan ketidaktentuan dan kekecewaan yang dihadapi dalam amalan pengajaran mereka (Park & So, 2014). Ini menunjukkan modal sosial dalam kalangan warga sekolah masih lemah dan menyebabkan amalan perkongsian pengetahuan dan pengalaman peribadi dalam KPP masih perlu dipertingkatkan pelaksanaannya. Modal sosial merupakan faktor yang menjadi asas persediaan kepada sikap keterbukaan dalam perkongsian amalan peribadi untuk pembangunan profesional kerjaya (Park & So, 2014). Pelbagai kajian berkaitan modal sosial telah dijalankan dalam bidang perniagaan namun kajian yang meneliti pengaruh modal sosial dalam bidang pendidikan adalah masih baharu.

TUJUAN, OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menentukan tahap modal sosial organisasi dan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah. Kajian ini juga adalah untuk melihat hubungan antara modal sosial organisasi dengan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah. Objektif kajian ini adalah (a) mengenal pasti tahap modal sosial organisasi, (b) mengenal pasti tahap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah dan (c) mengenal pasti pengaruh modal sosial organisasi terhadap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah. Soalan kajian ini pula adalah (a) apakah tahap modal sosial organisasi di sekolah? (b) apakah tahap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah? dan (c) apakah pengaruh modal sosial organisasi terhadap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah?

METODOLOGI

Reka Bentuk dan Instrumen Kajian

Kajian kuantitatif ini menggunakan pendekatan tinjauan melalui soal selidik. Instrumen kajian ini diadaptasi daripada soal selidik Modal Sosial Organisasi (Chang & Chuang, 2011) yang mengandungi 27 item untuk mengkaji modal sosial organisasi. Soal selidik Penanda Aras Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (Narongrith Intanam, Suwimon Wongwanich & Nattaporn Lawthong, 2010) pula mengandungi 20 item yang hanya berfokuskan dimensi berkongsi amalan peribadi dan amalan kolaboratif guru untuk mengukur perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah. Secara keseluruhannya, kedua-dua pemboleh ubah yang diuji menunjukkan nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha yang tinggi iaitu melebihi 0.70. Nilai kebolehpercayaan bagi keseluruhan instrumen modal sosial organisasi ialah .967 dan .941 bagi instrumen perkongsian amalan pengajaran guru. Dalam kajian ini, modal sosial organisasi merupakan pemboleh ubah bebas terhadap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah yang merupakan pemboleh ubah bersandar. Kesahan instrumen telah dijalankan dalam tiga peringkat iaitu peringkat penterjemahan, peringkat kesahan muka dan peringkat kesahan kandungan. Penterjemahan back translation dilaksanakan oleh dua orang penterjemah kelulusan Institut Terjemahan Negara Malaysia, kesahan muka dilaksanakan oleh lima orang guru sekolah rendah manakala kesahan kandungan telah melibatkan empat orang pakar bidang kepimpinan pendidikan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Sains Malaysia, Institut Pendidikan Guru Malaysia, dan Institut Aminuddin Baki.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Pemilihan sejumlah 476 orang sampel kajian ini menggunakan kaedah persampelan berkelompok pelbagai tahap berstrata (stratified multistages cluster sampling) dalam kalangan populasi 17,436 orang guru sekolah rendah di negeri Kedah. Pemilihan sampel kajian ini merujuk kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Sampel yang dipilih daripada populasi di negeri Kedah kerana Gred Purata Sekolah (GPS) sekolah-sekolah rendah di Kedah sejak tahun 2013 hingga 2016 menunjukkan prestasi yang perlu dibangunkan dalam senarai semua negeri di Malaysia malah pencapaiannya perlu diberi penumpuan berfokus sejak 2016.

Analisis Data Kajian

Data yang dikumpulkan telah dianalisis secara deskriptif dan analisis inferensi perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 23. Analisis deskriptif yang menunjukkan nilai min dan sisihan piawai digunakan mengukur tahap setiap pemboleh ubah. Pengukuran tahap setiap pemboleh ubah diinterpretasi menggunakan skor min berdasarkan skala likert empat mata yang diadaptasi daripada Nunally (1978) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi tahap skor min

Skor Min	Interpretasi Tahap Min
1.00 – 1.60	Sangat Rendah
1.61 – 2.20	Rendah
2.21 – 2.80	Sederhana
2.81 – 3.40	Sederhana Tinggi
3.41 – 4.00	Tinggi

Sumber: Nunally (1978)

Analisis inferensi menggunakan korelasi Pearson bagi mengkaji hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah kajian. Pengukuran bagi interpretasi nilai pekali kolerasi pula dirujuk kepada kajian Ghazali dan Sufean (2016) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi nilai pekali kolerasi bagi pemboleh ubah kajian

Nilai Pekali Kolerasi	Interpretasi Tahap Kolerasi
0.01 – 0.09	Boleh diabaikan
0.10 – 0.29	Rendah
0.30 – 0.49	Sederhana
0.50 – 0.69	Kukuh
0.70 – 0.99	Sangat Tinggi
1.00	Sempurna

Sumber: Ghazali dan Sufean (2016)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibincangkan berdasarkan tiga soalan kajian iaitu (a) apakah tahap modal sosial organisasi sekolah? (b) apakah tahap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah? (c) adakah terdapat hubungan antara modal sosial organisasi dengan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah?

Apakah tahap modal sosial organisasi sekolah?

Tahap amalan modal sosial organisasi yang dikaji diukur berdasarkan tiga dimensi modal sosial organisasi yang dibangunkan daripada kajian Chang dan Chuang (2011) iaitu dimensi modal sosial kognitif, modal sosial hubungan dan modal sosial struktur.

Analisis deskriptif yang dilaksanakan menunjukkan dapatan seperti dalam Jadual 3. Secara keseluruhannya modal sosial organisasi yang diamalkan dalam kalangan warga sekolah berada pada tahap yang sederhana tinggi dengan skor min 3.34. Warga sekolah dalam kajian ini menunjukkan tahap amalan setiap tiga dimensi modal sosial organisasi yang sederhana tinggi antara skor min 3.19 hingga 3.50.

Jadual 3: Tahap modal sosial organisasi

Aspek	Skor Min	Sisihan	Piawai	Tahap
Modal sosial kognitif	3.19		0.42	Sederhana Tinggi
Modal sosial hubungan	3.50		0.35	Tinggi
Modal sosial struktur	3.34		0.38	Sederhana Tinggi
MODAL SOSIAL ORGANISASI	3.34		0.33	Sederhana Tinggi

Apakah tahap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah?

Tahap perkongsian amalan pengajaran dalam guru di sekolah yang dikaji diukur berdasarkan dua dimensi daripada amalan komuniti pembelajaran profesional iaitu dimensi amalan kolaboratif dan berkongsi amalan peribadi. Analisis deskriptif yang dilaksanakan menunjukkan dapatan seperti dalam Jadual 4. Secara keseluruhannya perkongsian amalan pengajaran yang diamalkan dalam kalangan guru berada pada tahap yang sederhana tinggi dengan skor min 3.35. Kajian ini menunjukkan tahap perkongsian amalan pengajaran dalam kalangan guru mencapai tahap tinggi bagi bagi amalan kolaboratif manakala sederhana tinggi bagi aspek berkongsi amalan peribadi masing-masing dengan skor min 3.36 dan 3.49.

Jadual 4: Tahap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah

Aspek	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Amalan kolaboratif	3.49	0.35	Tinggi
Berkongsi amalan peribadi	3.36	0.36	Sederhana Tinggi
PERKONGSIAN AMALAN PENGAJARAN	3.35	0.34	Sederhana Tinggi

Adakah terdapat hubungan antara modal sosial organisasi dengan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah?

Analisis korelasi Pearson dalam Jadual 5 menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif, signifikan dan kukuh antara modal sosial organisasi dengan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah rendah negeri Kedah ($r=0.667$, $p<0.05$). Hal ini membawa maksud skor modal sosial organisasi mempunyai hubungan positif yang kukuh dengan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah jika dirujuk kepada jadual interpretasi nilai pekali kolerasi Ghazali dan Sufean (2016). Ini bermakna semakin tinggi tahap modal sosial organisasi, semakin tinggi tahap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah. Oleh itu tahap perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah dapat dijangka berdasarkan modal sosial organisasi. Nilai varians ($r^2 = 0.445$) menunjukkan bahawa 44.5% daripada perubahan keseluruhan perkongsian amalan pengajaran guru adalah disebabkan faktor modal sosial organisasi manakala 55.5% lagi disebabkan oleh faktor-faktor lain. Perbandingan antara tiga dimensi modal sosial menunjukkan nilai varians ($r^2 = 0.454$) bagi modal sosial struktur merupakan dimensi modal

sosial yang paling tinggi hubungannya dengan perkongsian amalan pengajaran guru. Ini menunjukkan bahawa 45.4% perubahan keseluruhan perkongsian amalan pengajaran guru adalah dipengaruhi oleh dimensi modal sosial struktur.

Jadual 5: Hubungan antara modal sosial organisasi dengan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah

Pemboleh ubah	Perkongsian Amalan Pengajaran			
	Korelasi Pearson (r)	Nilai Varian (r ²)	Signifikan (p)	Tahap Kekuatan Hubungan
Modal sosial kognitif	.455**	0.207	.000	Sederhana
Modal sosial hubungan	.599**	0.359	.000	Kukuh
Modal sosial struktur	.674**	0.454	.000	Kukuh
MODAL SOSIAL ORGANISASI	.667**	0.445	.000	Kukuh

**Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

PERBINCANGAN

Tahap Modal Sosial Organisasi Sekolah

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap modal sosial organisasi di sekolah rendah negeri Kedah berada pada tahap yang sederhana tinggi (min=3.34; sisihan piawai=0.33). Ini menggambarkan guru-guru mempunyai persepsi bahawa modal sosial dalam kalangan warga organisasi adalah dalam kadar yang sederhana tinggi melalui sikap dan tindakan yang dipamerkan di sekolah. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Conrady (2013) yang mendapati bahawa kemampuan menyebarkan modal sosial dalam organisasi mahupun luaran organisasi mampu memacu kualiti pengajaran baharu dan pengajaran sedia ada dalam usaha guru meningkatkan kualiti pencapaian murid.

Berdasarkan kajian ini, dimensi modal sosial hubungan menunjukkan nilai min yang paling tinggi (min=3.50). Aspek hubungan yang ditonjolkan oleh guru-guru merujuk kepada identifikasi, timbal balas dan kepercayaan bukanlah petunjuk bahawa guru-guru bersedia untuk berkongsi amalan pengajaran peribadi dalam bilik darjah. Justeru itu, hasil kajian ini menunjukkan bahawa majoriti guru sekolah rendah di Kedah masih beranggapan bahawa mereka belum benar-benar bersedia untuk bersikap terbuka dalam berkongsi amalan pengajaran masing-masing dan menerima amalan terbaik guru lain untuk dicontohi tanpa sebarang arahan daripada pemimpin sekolah.

Cabaran terbesar kelangsungan komuniti pembelajaran profesional (KPP) secara amnya amat berkait rapat dengan dorongan dan kesediaan ahli organisasi untuk berkongsi pengetahuan berdasarkan modal sosial yang mantap (Casimir, Lee dan Loon, 2012). Keakraban guru dalam sekolah menggambarkan status setara yang membentuk kejelekitan antara mereka. Walau bagaimanapun, status setara ini jugalah yang menimbulkan kesukaran dalam mengupaya perkongsian amalan

pengajaran guru (Hairon, 2016). Keadaan ini menyukarkan perubahan berlaku kerana amalan pengajaran guru masih menjadi hak peribadi mereka. Maka amat sukar untuk sesi maklumbalas perkongsian amalan pengajaran guru dilakukan secara telus.

Tahap Perkongsian Amalan Pengajaran Guru Di Sekolah

Dapatan kajian ini mendapati bahawa perkongsian amalan pengajaran guru sekolah rendah di Kedah berada pada tahap yang sederhana tinggi (min=3.35; sisihan piawai = 0.34). Ini bermakna guru-guru dalam kajian ini mengamalkan budaya kolaboratif dalam meningkatkan mutu pengajaran mereka di samping berkongsi amalan pengajaran peribadi secara sederhana tinggi. Kenyataan ini menyokong kajian-kajian lalu tentang tahap amalan komuniti pembelajaran komuniti (KPP) yang dijalankan di Malaysia. Dalam kajian Zuraidah, Zulkifli, Nik Mustafa dan M. Ismath, 2017; Zuraidah dan Muhammad Faizal, 2014; mendapati bahawa amalan KPP berada pada tahap tinggi. Namun begitu apabila melihat kepada perincian setiap lima dimensi KPP, ternyata dimensi perkongsian amalan peribadi merupakan dimensi yang paling kurang diamalkan (Zuraidah, Zulkifli, Nik Mustafa dan M. Ismath, 2017; Zuraidah dan Muhammad Faizal, 2014) dan paling jarang dilaksanakan (Keong, Muhammad Faizal dan Zuraidah, 2017).

Dapatan ini menunjukkan yang Malaysia masih perlu membudayakan perkongsian amalan pengajaran dalam kalangan guru. Hal ini kerana dalam kajian Lee dan Kim (2016) telah membuktikan bahawa Korea Selatan yang merupakan negara yang tergolong dalam 10 negara teratas berdasarkan pentaksiran TIMMS dan PISA (OECD, 2016) mengamalkan dimensi perkongsian amalan peribadi secara mantap dalam budaya KPP negaranya. Justeru Malaysia perlu memperkukuh aktiviti-aktiviti yang menggalakkan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah jika Malaysia berhasrat mencapai kedudukan 10 teratas dalam pentaksiran TIMMS dan PISA menjelang 2025.

Hubungan Antara Modal Sosial Organisasi Dengan Perkongsian Amalan Pengajaran Guru Di Sekolah

Secara keseluruhannya kajian ini mendapati wujudnya perhubungan positif yang kukuh antara modal sosial organisasi dengan perkongsian amalan pengajaran guru di sekolah rendah negeri Kedah. Hubungan ini memberi makna yang modal sosial dalam kalangan guru-guru memberi kesan positif terhadap amalan perkongsian pengajaran guru di sekolah. Dapatan kajian ini menyokong kajian Chang dan Chuang (2011) yang membuktikan bahawa modal sosial yang merangkumi faktor altruisme, identifikasi, timbal balas dan bahasa sepunya mempunyai signifikan dan mendatangkan kesan positif terhadap perkongsian pengetahuan dalam kalangan ahli organisasi. Modal sosial yang menekankan reputasi, hubungan sosial dan kepercayaan mendatangkan kesan yang positif terhadap tahap kualiti perkongsian pengetahuan dalam kalangan warga organisasi. Malah faktor sosial persekitaran sekolah juga boleh dikaitkan dengan modal sosial organisasi yang mempengaruhi tingkah laku individu untuk berkongsi pengetahuan sesama mereka (Hau, Kim, Lee, dan Kim, 2013). Kajian Bouchamma, Kalule, April, dan Basque (2014) pula menyatakan usaha meningkatkan modal sosial guru mampu menggalakkan komunikasi dalam aktiviti perkongsian amalan pengajaran guru

dalam bilik darjah. Ini menunjukkan kepentingan modal sosial dalam membentuk keterbukaan untuk berkongsi amalan terbaik dalam pengajaran guru.

Dapatan kajian ini jelas menyatakan bahawa hubungan modal sosial struktur merupakan dimensi yang paling besar pengaruhnya terhadap perkongsian amalan pengajaran guru. Ini menyokong kajian Mohd Zabri et. al. (2015) yang juga mendapati bahawa dimensi modal sosial struktur merupakan dimensi modal sosial yang amat mempengaruhi amalan perkongsian pengetahuan sesama ahli-ahli organisasi. Aspek keakraban secara profesional antara ahli organisasi juga membolehkan mereka bersedia untuk memperuntukkan masa dan peluang yang mencukupi untuk bertukar-tukar idea dan pengetahuan. Hal ini membolehkan wujudnya keadaan yang kondusif untuk mengeksploitasi pengetahuan. Selain itu, kajian Perera (2015) juga mendapati bahawa kejelekitan hubungan antara guru menjadi medium utama dalam pembangunan profesional dan sosial organisasi.

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Pembudayaan perkongsian amalan pengajaran terbaik guru adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, sesebuah sekolah perlu membangunkan modal sosial dalam kalangan warga sekolah terutamanya dalam kalangan para guru. Modal sosial bukanlah sekadar kejelekitan bersosial antara guru semata-mata tetapi juga keakraban dalam berhubung dengan secara profesional. Hubungan secara profesional yang dimaksudkan berkait rapat dengan sikap keterbukaan guru-guru dalam menerima dan mengiktiraf kekuatan ataupun kelebihan pengajaran guru lain di samping menerima kelemahan mahupun kekurangan pengajaran sendiri.

Usaha memantapkan modal sosial yang sedemikian rupa harus dijadikan nilai yang dikongsi bersama warga sekolah. Penetapan nilai yang dikongsi bermula daripada peranan pemimpin sekolah menetapkan hala tuju sekolah seraya menentukan nilai yang harus dipegang oleh setiap warga sekolah. Peranan pemimpin sekolah amat besar dalam memastikan modal sosial dalam kalangan guru menjurus kepada pemuafakatan profesional seperti yang dihasratkan dalam gelombang ketiga anjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menjelang 2025. Seperti dapatan kajian Felicio, Couto, dan Caiado (2014) mendapati bahawa prestasi organisasi dipengaruhi oleh modal sosial yang mantap melalui keupayaan pemimpin membangunkan modal sosial yang mampu meningkatkan pengalaman dan keupayaan kognitif warga organisasi.

Oleh yang demikian, pemimpin sekolah perlu berusaha membangunkan modal sosial dalam kalangan guru bermula daripada pembangunan individu guru terutamanya daripada aspek kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi perlu dipupuk bermula daripada kesedaran sendiri kemudian membangun kepada pengurusan sendiri seterusnya kesedaran sosial dan diakhiri dengan pengurusan sosial. Ini bermakna pemimpin harus memupuk kecerdasan emosi guru agar bijak memahami dan mengurus emosi sendiri serta emosi orang lain untuk mewujudkan persefahaman. Persefahaman yang dibangunkan dalam setiap ahli warga sekolah akan membentuk nilai yang dikongsi bersama secara pemuafakatan. Maka modal sosial akan terbangun dan perkongsian amalan pengajaran terbaik guru pasti berlaku secara rutin.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, modal sosial dalam sesebuah sekolah amat penting untuk membangun budaya perkongsian amalan pengajaran dalam kalangan guru. Perkongsian amalan pengajaran terbaik guru perlu terus dijadikan rutin dalam tugas hakiki guru kerana amalan pengajaran terbaik adalah berbeza mengikut konteks sekolah. Konteks sekolah yang dimaksudkan adalah latar belakang murid yang berbeza memerlukan kaedah atau pendekatan pengajaran yang berbeza. Maka di sini, perkongsian amalan terbaik pengajaran sesama guru dalam sesebuah sekolah perlu dipupuk bermula daripada kesedaran sendiri guru dan seterusnya kepada kesedaran sosial antara guru. Sikap keterbukaan dalam kalangan guru perlu dipupuk agar lebih bersedia menerima maklum balas positif apatah lagi maklum balas yang negatif. Tujuan maklum balas dalam setiap sesi refleksi perkongsian pengajaran guru adalah untuk penambahbaikan kualiti pembelajaran murid. Sesi refleksi yang dicadangkan selepas sesi perkongsian haruslah bersifat profesional dan bebas daripada persepsi negatif. Persepsi negatif hanya akan terhindar apabila modal sosial dalam kalangan guru lebih mantap secara profesional.

RUJUKAN

- Amin Senin. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Bouchamma, Y. , Kalule, L. , April, D. and Basque, M. (2014) Implementation and Supervision of the Professional Learning Community: Animation, Leadership and Organization of the Work. *Creative Education*, 5, 1479-1491. doi: 10.4236/ce.2014.516165.
- Bourdieu, P. (1986) The Forms of Capital in Baron, S. Field, J. Schuller, T. (eds.) (2000) *Social Capital - Critical Perspectives*. Oxford University Press. Campbell, C. Wood, R. Kelly, M. (1999) *Social and Capital Health Health Education Authority*. London.
- Casimir, G., Lee, K., & Loon, M., (2012), Knowledge Sharing: Influences Of Trust, Commitment And Cost, *Journal of Knowledge Management*, Vol. 16, No. 5, pp. 740– 753, 2012.
- Chang, H.H. & Chuang, S.S. (2011). Social capital and individual motivations on knowledge sharing: Participant involvement as a moderator. *Information & Management* 48(1): 9-18.
- Chen, P., Lee, C. D., Lin, H., & Zhang, C. X. (2016). Factors that develop effective professional learning communities in Taiwan. *Asia Pacific journal of education*, 36(2), 248-265.
- Conrady, D. P. (2013). *Social Capital In Professional Learning Communities*, Doctoral dissertation, University of Kansas.

- Felício, J. A., Couto, E., & Caiado, J. (2014). Human Capital, Social Capital and Organizational Performance. *Management Decision*, 52(2), 350-364. <http://dx.doi.org/10.1108/MD-04-2013-0260>
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. ISBN 978-983-100-835-5
- Guskey, T. R. (1997). Research needs to link professional development and student learning. *Journal of staff development*, 18, 36-41.
- Hairon, S. (2016). Instructional Leadership in Teachers Leading Professional Learning Communities: An Asian Singapore Perspective. *Asia Leadership Roundtable*.
- Hau, Y.S., Kim, B., Lee, H. & Kim, Y.G. (2013). The effects of individual motivations and social capital on employees' tacit and explicit knowledge sharing intentions. *International Journal of Information Management* 33(2): 356-366.
- Hazleton, V. & Kennan, W. (2000). Social capital: Reconceptualizing the bottom line. *Corporate Communications: An International Journal*. 5. 81-87. [10.1108/13563280010372513. http://www.iaea.info/documents/paper_4d52fc9.pdf](http://www.iaea.info/documents/paper_4d52fc9.pdf)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia: Putrajaya.
- Keong, C. C., Muhammad Faizal, A.G., & Zuraidah, A. (2017). Amalan komuniti pembelajaran profesional (KPP) di sekolah berprestasi tinggi (SBT) Malaysia: sebuah sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) di Sarawak. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(1), 43-70.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30, 607-610.
- Lee, M., & Kim, J. (2016). The emerging landscape of school-based professional learning communities in South Korean schools. *Asia Pacific Journal of Education*, 36(2), 266-284.
- Li, L., Hallinger, P., Kennedy, K. J., & Walker, A. (2016). Mediating effects of trust, communication, and collaboration on teacher professional learning in Hong Kong primary schools. *International Journal of Leadership in Education: Theory and Practice*. Retrieved March 31, 2016, from <http://dx.doi.org/10.1080/13603124.2016.1139188>
- Mahaliza, M., Norlia, N., Masri, B., & Jamal, Y., (2015). The Development Of School-Based Professional Learning Models In Malaysian Context. *International Journal for Innovation Education and Research*, 3(4). Retrieved from <http://www.ijer.net/ijer/article/view/343>

- Mohd Zabri, Y., Rosmah, M.I., & Nor Liza, A., (2015), Pemahaman Hubungan antara Modal Sosial dan Perkongsian Pengetahuan dalam Community of Practice di Sektor Awam Malaysia: Kesan ke Atas Prestasi Kerja Individu, *Universiti Kebangsaan Malaysia, Jurnal Pengurusan* 44(2015) 11-23
- Muhammad Djajadi, Bambang, S. & Nora, M. (2012). Usaha guru fisika dalam mengembangkan profesionalnya (Studi Kasus di Kota Makassar). *Jurnal Pengajaran MIPA*, 17(2), 226-237.
- Muhammad Faizal, A.G., & Crow, M.G.,(2017). Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: Perspektif Pemimpin Sekolah Cemerlang Negara Maju, *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, [S.l.], v. 1, n. 3, p. 10-27, oct. 2017. ISSN 2289-3008. Available at: <https://mjs.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/7957>. Date accessed: 19 jan. 2018.
- Nahapiet, J., & Ghoshal, S. (1998). Social capital, intellectual capital, and the organizational advantage. *Academy of Management Review*, 23, 242-266.
- Narongrith Intanam., Suwimon Wongwanich., & Nattaporn Lawthong. (2010). Benchmark for Building Professional Learning Communities in Schools: From Tools and Guideline to Practice in Thai Educational Context. Faculty of Education, Chulalongkorn University.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. McGraw-Hill Book Company, pp. 86-113, 190-255.
- OECD, (2016). D. S. E., Unemployed, N. E. E. T., & Inactive, N. E. E. T. Society at a Glance 2016.
- Olivier, D. F., & Huffman, J. B. (2016). Professional learning community process in the United States: conceptualization of the process and district support for schools. *Asia Pacific Journal of Education*, 36(2), 301-317.
- Park, M., & So, K., (2014), Opportunities and Challenges for Teacher Professional Development: A Case of Collaborative Learning Community in South Korea, *International Education Studies*, Vol. 7, No. 7, April 2014, <http://dx.doi.org/10.5539/ies.v7n7p96>
- Perera, C. J. (2015). *Principal leadership practices and teacher collegiality in Malaysian high performing schools*(Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Putnam, R. D. (1993) *The Prosperous Community: Social Capital and Public Life*, *The American Prospect*, 13, 35-42.
- Rahimah Ahmad, Muhammad Faizal A. Ghani & Zuraidah Abdullah. (2012). *Professional learning community as a principal of improvement in education system*. Proceeding of the 4rd International Conference on Educational Administration, Management and Leadership. Malang State University, Indonesia. 513-526
- Stegall, D. A. (2011). Professional learning communities and teacher efficacy: A correlational study. *Unpublished dissertation, University of North Carolina*.

- Sun-Keung Pang, N., Wang, T., & Lai-Mei Leung, Z. (2016). Educational reforms and the practices of professional learning community in Hong Kong primary schools. *Asia Pacific Journal of Education*, 36(2), 231-247.
- Yang, Li-Ren & Huang, Chung-Fah & Hsu, Ting-Jui. (2014). Knowledge leadership to improve project and organizational performance. *International Journal of Project Management*. 32. 40–53. 10.1016/j.ijproman.2013.01.011.
- Zuraidah Abdullah. & Muhammad Faizal, A.G., (2014). Professional learning community (PLC) in secondary schools community in Malaysia. *Hope journal of research*, 2(2), 12–39.
- Zuraidah, A., Zulkifli, A. M., Nik Mustafa, M. A., & Mohammad Ismath, R.,(2016), *Pemeriksaan Guru Bahasa Melayu Melalui Penyeliaan Kembang Tumbuh Dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) Di Lima Sekolah Menengah Daerah Kuala Lipis*, *Jurnal kepimpinan pendidikan*, April 2016, Bil. 3, Isu 2, <http://e-journal.um.edu.my/publish/JuPiDi/>
- Zuraidah, A., Zulkifli, M.A., Nik Mustafa, A.M., & Muhammad Ismath, R., (2017). *Pemeriksaan Guru Bahasa Melayu Melalui Penyeliaan Kembang Tumbuh Dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) Di Lima Sekolah Menengah Daerah Kuala Lipis*. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2), 42-59.